



KENYATAAN MEDIA

KELULUSAN BERJUMLAH RM44 JUTA BAGI SKIM SUBSIDI BAJA DAN RACUN PADI BUKIT/HUMA

1. Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) merupakan inisiatif kerajaan khusus bagi membantu pesawah di Sabah dan Sarawak yang mengusahakan penanaman padi bukit. SBRPB telah diperkenalkan sejak tahun 2015.
2. Melalui inisiatif ini, pengeluaran padi bukit telah berjaya ditingkatkan daripada 1.0 metrik tan per hektar kepada 1.5 metrik tan hingga 2.5 metrik tan per hektar. Sekaligus, pendapatan pesawah-pesawah telah berjaya ditingkatkan dari RM180 sebulan ke antara RM320 hingga RM700 sebulan.
3. Peruntukan bagi SBRPB tidak disenaraikan dalam Pembentangan Belanjawan bagi tahun 2019.
4. Dalam perkara ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terus berusaha agar peruntukan bagi SBRPB dapat dipertimbang dan diberikan kepada pesawah padi bukit yang terlibat.
5. Hasil dari usaha ini, Kementerian Kewangan pada 28 Mei 2019 telah meluluskan permohonan bagi skim subsidi ini berjumlah RM44 juta.
6. Kelulusan ini akan memberi manfaat kepada 56,446 pesawah padi bukit (Sabah : 11,684 orang; Sarawak : 44,762 orang) semasa musim penanaman di Sabah dan Sarawak yang akan bermula pada awal Ogos 2019.

**YB DATO' SALAHUDDIN AYUB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
13 JUN 2019**